

## GARIS PANDUAN PENDAFTARAN SYARIKAT AMANAH DI BAWAH AKTA SYARIKAT AMANAH 1949

### PERUNTUKAN AKTA

1. **Seksyen 3** Akta Syarikat Amanah 1949 menetapkan mana-mana syarikat awam yang diperbadankan di Malaysia boleh memohon kepada Pendaftar Syarikat untuk didaftarkan sebagai suatu syarikat amanah dengan syarat-syarat yang dinyatakan dalam peruntukan seksyen 3 Akta yang sama.

Syarat-syarat dalam peruntukan seksyen 3 tersebut adalah seperti berikut;

- (a) tujuan-tujuan syarikat itu adalah terhad kepada beberapa atau semua tujuan yang dinyatakan dalam seksyen 8;
- (b) modal dibenarkan bagi syarikat itu **tidak kurang** daripada lima ratus ringgit (RM 500,000) yang dibahagikan kepada syer-syer yang tidak kurang daripada sepuluh ringgit (RM10.00) setiap satu;
- (c) sekurang-kurangnya setengah daripada amaun tiap-tiap syer yang diterbitkan oleh syarikat itu masih tidak dibayar dan tidak dipanggil, kecuali sekiranya berlaku dan bagi maksud penggulungan atau pembubaran syarikat itu;
- (d) lembaga pengarah hendaklah dilantik dengan sewajarnya mengikut perkara-perkara persatuan syarikat itu;
- (e) sekurang-kurangnya seratus lima puluh ribu ringgit (RM150,000.00) daripada modal dibenarkan itu telah dibayar secara *bona fide*;
- (f) syarikat itu telah mendepositkan dengan Akauntan Negara sekuriti-sekuriti yang diluluskan oleh Menteri Kewangan bernilai RM100 000 (satu ratus ribu ringgit); dan
- (g) syarikat itu boleh menunaikan obligasi-obligasinya, selain daripada liabilitinya kepada pemegang-pemegang syernya, tanpa mengambil kira sekuriti-sekuriti yang didepositkan sedemikian dengan Akauntan Negara.

## **PANDUAN PERMOHONAN KELULUSAN SECARA DASAR UNTUK MENEUBUHKAN SYARIKAT AMANAH YANG BERTUJUAN BAGI PENDAFTARAN DI BAWAH AKTA SYARIKAT AMANAH 1949**

2. Dalam keadaan di mana sebuah syarikat awam belum ditubuhkan, pihak pemohon dikehendaki mengambil tindakan menubuhkan syarikat tersebut terlebih dahulu.
3. Untuk prosidur penubuhan syarikat awam sila merujuk kepada laman web SSM.
4. Penggunaan perkataan "trustee" atau "trust" dalam nama syarikat awam yang bakal ditubuhkan tersebut memerlukan kelulusan Menteri kerana merupakan nama dikawal.
5. Penggunaan perkataan "trustee" atau "trust" tersebut juga memerlukan kelulusan secara dasar daripada Pendaftar .
6. Dokumen-dokumen yang perlu dikemukakan kepada Pendaftar untuk pertimbangan kelulusan secara dasar bagi penggunaan nama tersebut / penubuhan syarikat amanah adalah seperti berikut;
  - (a) Butir-butir dan carta organisasi syarikat
  - (b) Cadangan berkenaan aktiviti Utama
  - (c) Keterangan mengenai biodata Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) / Pengarah-pengarah / Pegawai / Pekerja
    - (i) Nama KPE, pengarah dan ahli lembaga pengarah yang dicalon serta biodata yang lengkap.
    - (ii) Pengesahan KPE untuk bekerja sepenuh masa
  - (d) Nama pemegang saham dan pecahan pegangan saham
    - (i) Sila pastikan struktur pemegang saham mematuhi peraturan di bawah Seksyen 32 Akta Syarikat Amanah 1949 :

**'No member of a trust company shall at any time hold, or have any interest in shares in the capital of the capital to an amount exceeding one fifth of the issued capital of the company'**

7. Pihak SSM akan mengeluarkan surat kelulusan / penolakan untuk menggunakan nama tersebut / menubuhkan syarikat amanah setelah mempertimbangkan maklumat-maklumat yang dikemukakan.
8. Jika surat kelulusan secara dasar telah diperolehi, tindakan yang selanjutnya adalah mengemukakan dokumen-dokumen berkaitan kepada Bahagian Carian Nama dan Bahagian Penubuhan untuk menubuhkan sebuah syarikat awam di bawah Akta Syarikat 1965.

**PANDUAN UNTUK MENDAFTARKAN SEBUAH SYARIKAT AMANAH DI BAWAH AKTA SYARIKAT AMANAH 1949 SETELAH SEBUAH SYARIKAT BERTARAF AWAM DITUBUHKAN**

9. Dokumen-dokumen yang dikehendaki kemukakan kepada bahagian ini untuk pertimbangan pendaftaran syarikat amanah adalah seperti berikut;
  - (i) Borang 8 (Sijil Pemerbadanan Syarikat)-menunjukkan status BERHAD'
  - (ii) Borang 23 (Sijil Memulakan Perniagaan);
  - (iii) Memorandum dan Artikel Syarikat di mana objek adalah seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 8 ASA 1949.
  - (iv) Projek korporat yang terperinci termasuk kajian terhadap industri amanah tempatan dan negara asing (jika berkaitan) dan rancangan dan strategik pemasaran syarikat. Maklumat lain yang perlu dikemukakan adalah seperti berikut;

- Maklumat tentang saiz staf sokongan serta pegawai /pengarah yang akan menerajui syarikat untuk menguruskan syarikat amanah;
  - Nama dan biodata yang lengkap berkenaan Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) / Pengarah-pengarah / Pegawai / Pekerja
  - Pengesahan bahawa KPE akan bekerja sepenuh masa
- (v) Butiran pemegang saham termasuk nama dan pecahan pegangan saham. Sila pastikan struktur pemegang saham mematuhi peraturan di bawah Seksyen 32 Akta Syarikat Amanah 1949 seperti berikut;

**'No member of a trust company shall at any time hold, or have any interest in shares in the capital of the capital to an amount exceeding one fifth of the issued capital of the company'**

- (vi) Salinan borang 24 dan borang 49 yang disahkan;
- (vii) Borang 48A untuk bakal pengarah dan
- (viii) Maklumat kredit peribadi ( personal credit information) pengarah / ketua pegawai eksekuti yang bakal dilantik yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia melalui Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat –(CCRIS - Central Credit Reference Information System)

(Nota : Sila rujuk kepada Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK) Bank Negara untuk mendapatkan maklumat yang lebih lanjut mengenai CCRIS.)

10. Setelah mempertimbangkan dokumen-dokumen yang berkenaan, sekiranya pihak pendaftar tidak berpuashati dan mendapati pihak pemohon adalah tidak layak untuk didaftarkan, surat **penolakan akan dikeluarkan.**
11. Sekiranya pihak pendaftar berpuashati, KPE yang dicalonkan tersebut dikehendaki menghadiri temuduga.

Lanjutan daripada itu, pihak pemohon dikehendaki mengemukakan dokumen-dokumen berikut;

- (i) Surat Akuan Berkanun yang menyatakan syarikat boleh menunaikan obligasi selain dari liabiliti kepada pemegang saham [Seksyen 3(g) A.S.A 1949]
- (ii) Deposit Sekuriti berjumlah RM 100,000 dengan Akauntan Negara [Seksyen 3(f) A.S.A 1949];
- (iii) Salinan resit bayaran permohonan yang asal untuk bayaran RM 5.00 dan resit perakuan pendaftaran mengikut modal yang dibenarkan;
- (iv) mengemukakan buku daftar ahli, pengarah, dan buku minit bersama salinan bank in slip atau apa-apa dokumen yang menyokong pematuhan seksyen 3 dan 32 ASA 1949 kepada bahagian ini untuk diperiksa.

#### **SYARAT-SYARAT LESEN PENDAFTARAN SYARIAKT AMANAH**

12. Kelulusan pendaftaran syariakt amanah adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut;

- (i) Sebarang pelantikan atau pertukaran di dalam Lembaga Pengarah atau Pengarah Eksekutif / Ketua Pegawai Eksekutif mestilah terlebih dahulu **mendapat kelulusan** daripada Pendaftar Syarikat; dan
- (ii) Semua syarikat yang mendapat kelulusan dikehendaki menjadi ahli persatuan industri yang berkaitan dan diiktiraf (relevant and recognized industry association).

#### **PANDUAN PERMOHONAN KELULUSAN PELANTIKAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (KPE) / PENGARAH BARU**

13. Dokumen-dokumen yang perlu dikemukakan untuk menyokong permohonan di atas adalah seperti berikut;

- (i) **Biodata KPE / pengarah** yang terperinci dan mengandungi perkara-perkara berikut;
- (a) Nama
  - (b) Tarikh Lahir
  - (c) Alamat Rumah Tinggal
  - (d) Nombor Talifon
  - (e) Jawatan Semasa
  - (f) Alamat Pejabat
  - (g) Kelayakan Akademik
  - (h) Nama Badan Professional Dan Persatuan Yang disertai
  - (i) Pengalaman Kerja – Tempoh Masa, Tempat, Jawatan dan Fungsi Atau Tugas
  - (j) Kursus
  - (k) Lain-Lain Perkara Yang Berkaitan
- (ii) **Maklumat kredit peribadi** ( personal credit information) KPE / pengarah yang bakal dilantik yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia melalui Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat –(**CCRIS - Central Credit Reference Information System**)

**Nota :**

*Sila rujuk kepada **Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK) Bank Negara** untuk mendapatkan maklumat yang lebih lanjut mengenai CCRIS.*

- (iii) Laporan **carian rasmi** daripada **Jabatan Insolvensi Malaysia** (JIM) berhubung kedudukan KPE/ pengarah terkini.

**Nota :**

*Sila berhubung dengan JIM di alamat berikut;*

*Jabatan Insolvensi Malaysia  
Pintu 2, Aras 3 & 4, Blok B7  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62502 Putrajaya*

Telefon : 03-88881957  
Fax : 03-88895061

14. Sekiranya pihak pendaftar berpuashati, KPE yang dicalonkan tersebut dikehendaki menghadiri temuduga..

**PANDUAN UNTUK MENYERAHSIMPAN PENYATA TAHUNAN SYARIKAT AMANAH DI BAWAH SEKSYEN 21 AKTA SYARIKAT AMANAH 1949**

15. Di bawah peruntukan 21 ASA 1949, setiap syarikat amanah dikehendaki menyimpan senarai ahli-ahli dan ringkasan yang dikehendaki oleh seksyen 165 Akta Syarikat 1965 bersama satu penyata liabiliti berkenaan dengan pelaburan-pelaburan dan pegangan –pegangan syarikat itu.
16. Penyata tersebut dikehendaki disahkan benar dengan affidavit pengerusi, atau timbalan pengerusi dan affidavit pengurus atau setiausaha syarikat itu. Maka dokumen-dokumen yang dikehendaki serahsimpan adalah seperti berikut;
  - (i) Penyata Tahunan
  - (ii) Penyata Liabiliti bersama dengan Afidavit
17. Bayaran penyerahsimpan Penyata Tahunan syarikat amanah ialah sebanyak RM10.00. Penyata ini hendaklah diserahsimpan kepada bahagian ini. Ia adalah berbeza daripada serahsimpan penyata tahunan yang lazim yang diperuntukkan di bawah seksyen 165 Akta Syarikat 1965;
18. Dokumen-dokumen yang dikehendaki diserahsimpan ialah penyata tahunan dan penyata liabiliti bersama dengan affidavit.

19. **MODEL OF AFFIDAVIT**

Company No:

**AFFIDAVIT UNDER SECTION 21 OF THE TRUST COMPANIES ACT 1949**

We, **Director/ Chairman** (NRIC No: ) of **home address** the **Director / Chairman** of **name of the company**, and **name** (NRIC No: ) of **home address**, the Company Secretary of that company, do solemnly and sincerely declare that the particulars contained in the statement of the liabilities in **the annexure marked with the letter "A"** of **name of the company** to the public in its trustee capacity, and of the investments and holdings of the company on trust account are true to the best knowledge, information and belief.

And we make this solemn declaration conscientiously believing the same to be true and by virtue of the Statutory Declarations Act, 1960.

Declare at **name of place** in the State of **name of state**, this **date**.

**(Sign by: )**  
**(Position)**

**(Sign by: )**  
Company Secretary  
**(Licence No)**

Before me,

**(Sign by Commissioner of Oaths)**

Lodge by:



20. **MODEL OF THE STATEMENT OF THE LIABILITIES**

**Annexure A**

**ABC TRUSTEE BERHAD ( Company. No)**

Trust Services Status Update  
As at .....

No.	Type of Trust / Business	Date of Commencement	No of Clients	Annual Trustee Fee	Total Value
1.	ABC family Trust	03 May 2000	1	RM 1,000	RM 96,000

**LAPORAN AKTIVITI DUA KALI SETAHUN SYARIKAT AMANAH**

21. Pihak syarikat juga dikehendaki memajukan laporan aktiviti di atas dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh berakhir 30 Jun dan 31 Disember untuk setiap tahun. Tujuan laporan berkenaan adalah untuk mengumpul data-data bagi kerja penyelidikan dan pengkajian berhubung industri amanah di Malaysia. Format laporan tersebut adalah seperti berikut:

**BIANNUAL ACTIVITY REPORT OF TRUST COMPANY**

COMPANY  
NAME :

COMPANY NO :

DATE OF  
INC. :

DATE OF REGISTRATION  
UNDER TRUST  
COMPANIES ACT 1949:

YEAR  
:

PERIOD OF REPORT : \* **FIRST HALF YEAR /  
SECOND HALF YEAR**

ADDRESS:

TELEPHONE NO :

FAX NO :

NO. OF EMPLOYEES

NAME

MANAGERS :

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

CHIEF EXECUTIVE  
OFFICER :

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

PROFESSIONALS :

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

SUPPORTING STAFF :

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

TYPES OF ACTIVITY	NUMBER OF CLIENTS	VALUE
<b>EXAMPLE</b> PRIVATE TRUST		
CORPORATE TRUST		
CLUBS / TIMESHARE		
SHARE IN TRUST / MONEY MARKET		
CUSTODIAN TRUSTS & RETIREMENT FUNDS		
OTHERS # (PLEASE SPECIFIED)		
OTHERS # (PLEASE SPECIFIED)		
OTHERS # (PLEASE SPECIFIED)		

**\* STRIKE OUT WHICHEVER IS INAPPLICABLE**

## JADUAL

### (SEKSYEN 37 AKTA SYARIKAT AMANAH 1949)

#### Fi yang perlu dibayar kepada Pendaftar Syarikat

BIL.		FI (RM)
1.	Memohon pendaftaran	5
2.	Perakuan Pendaftaran:  (a) jika modal dibenarkan tidak melebihi RM500,000  (b) jika modal dibenarkan melebihi RM 500,000 tetapi tidak melebihi RM 1,000,000  (c) jika modal dibenarkan melebihi RM 1,000,000	  <b>100</b>  <b>150</b>  <b>200</b>
3.	Apabila menfailkan Penyata Tahunan di bawah Seksyen 21	<b>10</b>